

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 13 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 5**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1522-MQT2326

**Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pembaharuan yang dibuat oleh Kerajaan dalam pendekatan serta tatakelola undang-undang atau peraturan untuk mengekang ketirisan dan kebocoran wang awam serta nyatakan juga adakah Kerajaan akan meneruskan pelaporan perbelanjaan dan pemantauan Belanjawan Negara.

2. PR-1522-MQT2316

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa perjanjian penyelesaian sempadan yang baru ditandatangani antara Malaysia dengan Indonesia tidak akan menjelaskan hak kedaulatan dan merugikan negara khususnya kesan negatif terhadap aktiviti ekonomi maritim dalam jangka masa panjang.

3. PR-1522-MQT2320

**Tuan Tan Kar Hing [ Gopeng ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (Hydrogen Economy and Technology Roadmap-HETR) yang diwujudkan oleh Mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) dijangkakan menjana RM12.1 bilion kepada pendapatan negara menjelang tahun 2030. Apakah kelebihan Malaysia dalam usaha menjadi penggerak utama dalam ekonomi hidrogen berbanding negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan, China, Australia dan negara ASEAN yang telah mula menceburি sektor hidrogen .

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 13 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 40**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1522-L20010

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan persiapan Kementerian dan majikan bagi menyokong peralihan pekerjaan masa depan melalui struktur pendidikan, kemahiran semula dan struktur sokongan sosial kepada pekerja tempatan di samping penggunaan automasi dan mekanisasi sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan buruh asing.

2. PR-1522-L20841

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional penjualan aset kompleks produksi filem dan televisyen Iskandar Malaysia Studios (IMS) seluas 49 ekar yang bernilai RM32 juta di Iskandar Puteri, Johor Bahru kepada sebuah firma Singapura.

3. PR-1522-L20114

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk melibatkan lebih ramai golongan belia dalam usaha menjayakan dasar sains, teknologi dan inovasi negara.

4. PR-1522-L19802

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kesan perubahan cuaca, ancaman bencana alam, serangan penyakit dan perosak terhadap pengeluaran bahan makanan di negara ini sepanjang dua tahun lalu serta langkah mitigasi yang telah diambil untuk mengurangkan impaknya terhadap sekuriti makanan negara.

5. PR-1522-L19871

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dasar luar negara oleh Kerajaan dalam mengangkat isu kemanusiaan melibatkan Palestin selain daripada bantuan kewangan dan pendirian Kerajaan dalam isu solusi dua negara (*two-state-solution*), status apartied rejim Israel serta normalisasi hubungan.

6. PR-1522-L20286

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan dan langkah Kerajaan terhadap isu kependudukan Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang mendiami tanah Kerajaan sebagai tempat tinggal.

7. PR-1522-L19540

**Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan senarai terkini sungai paling tercemar di Malaysia dan sejauh manakah Kementerian tegas dalam menangani isu pencemaran sungai di negara ini yang berpunca daripada aktiviti pembuangan sisa kimia, ladang ternakan haiwan, dan perlombongan.

8. PR-1522-L20694

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan Kementerian bagi memperluaskan penanaman komiditi lada hitam di Semenanjung seperti mana yang dilaksanakan di Setiu.

9. PR-1522-L19792

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah kawasan di Negeri Sembilan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai Kawasan pelancongan berimpak tinggi dan memberi impak ekonomi kepada penduduk setempat.

10. PR-1522-L20305

**Dato' Khlir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha untuk mengesan warga China yang masuk ke Malaysia sebagai pelancong tapi tidak pulang ke negara asal sehingga sekarang.

11. PR-1522-L20029

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang bekerja dan bermastautin di luar negara mengikut kepakaran dan sektor serta apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk menangani masalah *brain drain* yang ketika ini berada pada kadar 5.5% daripada populasi, jauh lebih tinggi daripada purata global iaitu 3.3%.

12. PR-1522-L20887

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sejauh mana usaha Kerajaan untuk memastikan orang awam berkenaan menuntut semula Wang Tidak Dituntut (WTD) sejak sekian lama yang beranggaran RM11 bilion; dan; dan
- (b) bagaimana Kerajaan menggunakan faedah yang diperoleh sebanyak RM250 juta hasil pelaburan WTD dalam simpanan tetap.

13. PR-1522-L19500

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa banyak babi yang telah dilupuskan sejak penularan kes penyakit Demam Babi Afrika (ASF) mula dikesan dan dikenalpasti. Apakah status terkini langkah-langkah pengawalan dan membanteras penularan ASF dan apakah kesannya kepada industri penternakan babi tempatan.

14. PR-1522-L20742

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan inisiatif bagi menyokong bakat anak tempatan untuk bersaing dalam pertandingan melibatkan kesenian dan kebudayaan di pentas antarabangsa, agar potensi mereka dapat dimanfaatkan untuk mempromosi Malaysia dan menjana pendapatan negara menerusi industri kreatif.

15. PR-1522-L20266

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status kemajuan bagi projek loji rawatan air sungai Bilut dan loji rawatan Sungai Semantan yang dijangka siap pada 29 April 2023 dan 11 Mei 2023.

16. PR-1522-L20908

**Dato' Dr. Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah dana yang telah disalurkan menerusi dana Pembiayaan Mudah Tunai untuk Pemula Niaga Teknologi (LIFTS) dan sejauh mana Skim Jaminan Dana Mikro Penerokaan Teknologi MDV mendapat sambutan.

17. PR-1522-L20148

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [ Betong ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) apa usaha kementerian bagi menentukan pekebun lada akan terus mengusahakan kebun lada mereka walaupun terkesan akibat harga input yang tinggi dan harga lada yang tidak memuaskan; dan
- (b) berapa jumlah pekebun lada yang masih akif di Sarawak dan berapakah jumlah pengeluaran hasil lada pada tahun 2022.

18. PR-1522-L20854

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan implikasi yang berlaku kepada sektor pertanian akibat cuaca panas yang dijangka bakal berlarutan sehingga Ogos depan.

19. PR-1522-L20005

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini projek membina baru Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (CIQ) Serikin.

20. PR-1522-L20411

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah bagi meningkatkan peratus pampasan pekerja atau *compensation of employees* (CE) kepada KDNK yang setakat 34.8% pada tahun 2021 berbanding Singapura (39.9%), Korea Selatan (47.5%) dan UK (48.7%).

21. PR-1522-L20164

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menangani isu kesenjangan pendapatan dan kekurangan pembayaran gaji minimum yang layak kepada golongan pekerja.

22. PR-1522-L20508

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terkini berkenaan penyelesaian di Palestin.

23. PR-1522-L19799

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah subsidi ayam dan telur yang telah diberikan sejak pendekatan tersebut dilaksanakan. Sejauh manakah pemberian subsidi ini telah merangsang pengeluaran ayam dan telur negara sekaligus mengurangkan kebergantungan pada import bahan berkenaan.

24. PR-1522-L19574

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah ketibaan pelancong asing dari pelbagai negara sejak Kerajaan Perpaduan ditubuhkan dan hasil cukai pelancongan yang berjaya dikutip dan usaha untuk menggiatkan semula program Tahun Melawat Malaysia yang baru.

25. PR-1522-L20336

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mekanisme tuntutan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) sekarang yang sangat tidak kondusif dan menyulitkan para penoreh getah.

26. PR-1522-L19562

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah individu pemegang dokumen IMM13 dan apakah dasar ke hadapan untuk menyelesaikan secara tuntas khususnya di kalangan pelarian perang Filipina yang berada di Sabah sejak tahun 1970-an.

27. PR-1522-L19868

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci masalah yang dihadapi oleh Kementerian dan pemegang taruh dalam langkah digitalisasi pertanian.

28. PR-1522-L20732

**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah *Centralized Living Quarters (CLQ)* atau asrama pekerja yang telah dibina di seluruh negara beserta dengan kapasitinya dan apakah usaha kerajaan dalam mengurangkan karenah birokrasi rentas jabatan yang dihadapi oleh majikan yang ingin membina asrama untuk pekerja mereka.

29. PR-1522-L19610

**Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan terkini pelaksanaan semua inisiatif di bawah Belanjawan 2023.

30. PR-1522-L20190

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyemak semula syarat-syarat kewangan bagi memastikan perolehan tender tidak menafikan hak syarikat Bumiputera yang tidak mempunyai kewangan yang kukuh.

31. PR-1522-L19692

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam usaha memperkasa "Tadbir Urus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan" bagi penerapan budaya keselamatan dan kesihatan dalam semua aspek di sektor awam dan swasta dengan tujuan menurunkan kadar kemalangan di tempat kerja.

32. PR-1522-L20643

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentangkan laporan Jawatankuasa Khas mengenai Pengurusan Pekerja Asing yang dikemukakan pada 2019 kepada umum.

33. PR-1522-L20232

**Dato' Ramanan Ramakrishnan [ Sungai Buloh ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perancangan jangka masa panjang bagi pemantapan pengurusan penyelenggaraan sungai-sungai di kawasan kerap mengalami banjir.

34. PR-1522-L20295

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan menyatakan jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kementerian setahun dari tahun 2015 sehingga 2023 akibat dari kebocoran kabel dan kecurian tenaga elektrik.

35. PR-1522-L19543

**Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tahap penerimaan rakyat terhadap program Fasiliti Sokongan Akaun Dua (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan nyatakan juga statistik yang telah memohon untuk menggunakan kemudahan ini.

36. PR-1522-L20339

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa peruntukan yang diberikan kepada Kementerian dan agensi-agensi di bawah Kementerian untuk menjayakan LIMA 2023.

37. PR-1522-L19713

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini cadangan membina baharu Kompleks ICQS Tebedu.

38. PR-1522-L20001

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah majikan yang masih belum melaksanakan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2023 dan tindakan yang telah dan akan diambil terhadap majikan yang didakwa gagal melaksanakannya, terutamanya dalam sektor pembersihan dan keselamatan.

39. PR-1522-L20909

**Dato' Dr. Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sehingga kini sejauh mana industri Tenaga Boleh Baharu (RE) telah berjaya menarik pelaburan-pelaburan baharu dari negara luar ke Malaysia.

40. PR-1522-L20268

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Polis Diraja Malaysia bersedia menyemak semula prosedur operasi standard (SOP) selepas perhimpunan awam khususnya hentikan buka kertas siasatan dan hentikan memanggil penganjur dan peserta yang terlibat dalam perhimpunan awam untuk mengambil kenyataan lisan.

41. PR-1522-L19999

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk bekerjasama dengan majikan bagi memastikan golongan pekerja berpendidikan rendah diberi peluang untuk meningkatkan taraf pendidikan serta kemahiran kerja melalui latihan dan kursus. Ini sebagai langkah bagi membantu meningkatkan kemahiran pekerja berkenaan selain memberi mereka peluang mengisi jawatan yang lebih baik serta gaji yang lebih tinggi.

42. PR-1522-L20437

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk membantu operator air yang menghadapi masalah kewangan terutamanya yang melibatkan pembayaran bil utiliti.

43. PR-1522-L19983

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan akan menyelesaikan masalah hutang negara berjumlah lebih kurang RM1.2 Trilion dan liabiliti lain sebanyak lebih kurang RM300 juta. Nyatakan jumlah dan bentuk bayaran yang dibuat oleh Kerajaan kepada hutang dan liabiliti ini setiap tahun.

44. PR-1522-L20945

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan ketika pembentangan belanjawan YAB Perdana Menteri mengumumkan akan ada syarikat korporat mengambil alih sepenuhnya pusat TVET sedia ada. Adakah Kerajaan muh menswastakan TVET yang disediakan oleh Kerajaan selama ini. Sekiranya ada, mohon berikan perincian berkenaan syarikat korporat yang terlibat.

45. PR-1522-L20461

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai penuh syarikat-syarikat PN17, dan apakah tindakan ke atas pihak pengurusan atau ahli Lembaga Pengarah yang telah menyebabkan pelabur saham kecil mengalami kerugian.

46. PR-1522-L19800

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah keputusan Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) untuk tingkatkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada 3% akan memberi tekanan berterusan kepada kos sara hidup serta kesannya kepada peminjam perumahan terutamanya golongan berpendapatan menengah dan rendah yang berdepan dengan peningkatan bayaran bulanan.

47. PR-1522-L20200

**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Ladang Info Ternak Sungai Siput boleh menjadi tumpuan pelancongan sebagai Agrotourism yang mana sebelum ini Hari Peladang Peringkat Kebangsaan kerap diadakan di sini kerana kawasannya luas dan lapang di samping terdapat kemudahan asas. Adakah Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan semula dan menaik taraf ladang ini sebagai Pusat Pelancongan Agrotourism.

48. PR-1522-L20410

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah bagi mengekang kesan negatif daripada teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) yang sedang cepat berkembang seperti ancaman keselamatan awam, perlindungan hak cipta dan harta intelek.

49. PR-1522-L20225

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah Pelan Keselamatan Air (PKA) dirangka dan diaplikasikan sama pentingnya dengan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025.

50. PR-1522-L20963

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan hala tuju terhadap cadangan penjualan tenaga boleh baharu (RE) kepada negara jiran dan implikasinya kepada keterjaminan bekalan tenaga lestari di Malaysia.

51. PR-1522-L20606

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah ruang kepada usahawan baru dengan menyemak semula kaedah pengagihan kontrak bagi mengelak monopoli oleh sesetengah pihak yang awal berkecimpung dalam proses berkenaan serta dapat mengeksplorasinya.

52. PR-1522-L20110

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Luper ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan dan usaha untuk membasmi kegiatan perjudian atas talian serta kedai-kedai judi yang berselindung di sebalik kedai 24 jam.

53. PR-1522-L20976

**Datuk Ali anak Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pencapaian Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN) 2021-2030 yang di antara lain nya, melibatkan Program Pembiayaan Mudah Tanam Semula (TSPKS) dan Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) di seluruh negara.

54. PR-1522-L20545

**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tindakan-tindakan adaptasi perubahan iklim yang sedang dilaksanakan dan dirancang oleh Kerajaan.

55. PR-1522-L20869

**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan menaik taraf pejabat imigresen negeri WP. Labuan serta menambah bilangan kakitangan imigresen W.P. Labuan bagi membolehkan jabatan imigresen berfungsi dengan lebih efektif .

56. PR-1522-L20034

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah tegas yang kini dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengekang aliran keluar wang haram, jenayah kewangan dan ketirisan sumber negara.

57. PR-1522-L20359

**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap wang dolar AS bagi mengukuhkan ekonomi dan nilai Ringgit Malaysia.

58. PR-1522-L19849

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah rancangan jangka pendek, sederhana dan panjang Kementerian bagi menjamin keterjaminan bekalan makanan yang mencukupi dan selamat untuk Malaysia.

59. PR-1522-L20873

**Tuan Fathul Huzir bin Ayob [ Gerik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Apakah perincian kos dan garis masa berhubung cadangan membina bangunan baharu Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Berapit, Pengkalan Hulu berhampiran pintu sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand.

60. PR-1522-L20844

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan justifikasi lanjutan kontrak kepada Datasonic Technologies Sdn Bhd untuk membekalkan MyKad, MyTentera, kad MyPoca dan bahan habis guna kepada Jabatan Pendaftaran Negara dan apakah Kementerian akan menjalankan proses tender terbuka selepas lanjutan kontrak ini tamat kelak.

61. PR-1522-L20003

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing yang dilaksanakan Kementerian Sumber Manusia (KSM) berjaya mengatasi masalah kekurangan pekerja asing bagi sektor-sektor kritikal serta langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan dan kebajikan pekerja asing di negara ini terjamin.

62. PR-1522-L20926

**Tuan Kalam bin Salan [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sudahkah Kementerian mengkaji krisis pergantungan keperluan makanan kepada import di negara ini. Contohnya: Import lemak haiwan halal/minyak sapi tulen. Sampai bila negara memilih untuk terus mengimport dan tidak berusaha untuk memiliki sendiri keupayaan menghasilkan minyak sapi tulen dari syarikat atau usahawan tempatan.

63. PR-1522-L20724

**Tuan Rushdan bin Rusmi [ Padang Besar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kaedah atau usaha oleh Kerajaan Madani dalam menstabilkan mata wang ringgit agar kembali ke paras RM4.1 berbanding USD kerana kadar masa ini sangat mencengkam terutama kepada pelajar-pelajar kita di luar negara.

64. PR-1522-L20836

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) status penciptaan pekerjaan mahir bagi mengurangkan jurang ketidakpadanan pekerjaan termasuk perincian dan nisbah mengenai penciptaan pekerjaan mengikut negeri, industri dan sektor; dan
- (b) status kajian ketidakpadanan pekerjaan terutama dalam kalangan graduan dari golongan berpendapatan rendah di bawah paras RM 4,000 berdasarkan kajian oleh Khazanah Research Institute.

65. PR-1522-L19725

**Tuan Wong Kah Woh [ Taiping ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima manfaat hasil daripada Program MySalam yang dilaksanakan sejak 2019 sehingga kini. Berapa jumlah pembayaran kepada penerima manfaat setakat kini, serta sampai bila Program MySalam akan dilanjutkan.

66. PR-1522-L20723

**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan majikan yang tidak mematuhi atau mengingkari Perintah Gaji Minimum 2022 (PGM2022) dan apakah tindakan yang dikenakan terhadap majikan yang gagal mematuhi peraturan tersebut.

67. PR-1522-L19765

**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kementerian dalam menangani isu pengangguran belia yang semakin meningkat tinggi setiap tahun; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian terhadap syarikat swasta yang dikatakan memilih pekerja berpengalaman berbanding graduan baharu .

68. PR-1522-L19512

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butir-butir bilangan individu yang ditahan di pusat pemulihan dadah dahulunya dikenali dengan nama pusat serenti untuk menjalani program pemulihan dari dadah mengikut pecahan kaum, jantina, dan umur.

69. PR-1522-L20367

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah pelan perancangan Kementerian dan pihak industri dalam menstabilkan harga kelapa sawit di pasaran bagi membantu mengekalkan pendapatan pekebun kecil.

70. PR-1522-L20546

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berkaitan isu lesen bot nelayan yang belum dikeluarkan lagi kepada nelayan-nelayan di Parit Buntar yang ada bot tetapi tidak mempunyai lesen menangkap ikan sedangkan permohonan sudah diajukan.

71. PR-1522-L19727

**Tuan Wong Kah Woh [ Taiping ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah subsidi bahan api yang ditanggung oleh Kerajaan sejak tahun 2018 sehingga kini (termasuk anggaran bagi tahun 2023). Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah ketirisan subsidi.

72. PR-1522-L20743

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan bagi mengekang kes ejen yang membawa masuk pekerja asing secara sah tetapi tidak memberikan penempatan pekerjaan untuk mereka.

73. PR-1522-L20236

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah produk pelancongan yang akan dimajukan untuk kawasan tengah Sarawak, terutama sekali di Parlimen Tanjong Manis.

74. PR-1522-L20971

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan inisiatif dilakukan oleh pihak Kementerian dalam negara berhadapan dengan cuaca panas ekstrem berikutan fenomena El Nino.

75. PR-1522-L19573

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak permainan bunga api dan mercun dibenarkan berapa jumlah permohonan, kutipan hasil cukai dan kemalangan yang diakibatkan dari permainan tersebut.

76. PR-1522-L20969

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan untuk mewujudkan subsidi *output* atau subsidi produk dalam pertanian bagi mengalakkan pengeluaran produk pertanian.

77. PR-1522-L19487

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah penyelesaian yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu kira-kira 248,000 pesawah padi di seluruh negara yang terkesan akibat kenaikan input pertanian terutamanya harga racun, baja dan juga cuaca ekstrem yang boleh menjaskan tanaman mereka.

78. PR-1522-L20368

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi menghapuskan budaya 'orang tengah' dalam sektor pertanian negara agar dapat menjamin pendapatan petani dan seterusnya mengawal peningkatan kos sara hidup rakyat bagi mendapatkan bekalan makanan.

79. PR-1522-L19997

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan untuk setiap kategori permohonan bagi mereka yang bermastautin di Parlimen Mas Gading dan berapa yang telah diluluskan oleh Kerajaan dari tahun 2003 sehingga tahun 2022.

80. PR-1522-L19886

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan satu Ibu Pejabat Polis di daerah Pitas (Kawasan Parlimen Kudat) memandangkan balai polis di daerah Pitas masih berada di bawah IPD Kota Marudu, Sabah.

81. PR-1522-L20863

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk menambah atau membina baharu pusat penyembelihan kekal dan sementara di Daerah Mersing bagi menampung permintaan dan pasaran tempatan yang semakin meningkat.

82. PR-1522-L19820

**Tuan Tan Kar Hing [ Gopeng ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

(a) statistik pelupusan buangan terjadual (e-waste) dari tahun 2013 hingga 2022; dan

(b) kaedah dan undang-undang diguna pakai untuk pengurusan dan pelupusan e-waste dan Teknologi dan fasiliti terkini bagi pengurusan dan pelupusan e-waste .

83. PR-1522-L20958

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi mewujudkan pelepasan cukai tanpa had maksima kepada pencarum polisi takaful/insurans perubatan bagi menggalakkan generasi muda memiliki polisi ini untuk keperluan masa hadapan.

84. PR-1522-L19955

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini aplikasi e-Locker yang dikaji oleh Kementerian pada tahun lalu untuk menjelaki identiti, gaji dan lokasi pekerja migran bagi tujuan memantau aliran dan kebajikan mereka di negara ini.

85. PR-1522-L20315

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah strategik yang telah diambil untuk membekalkan air yang boleh diminum kepada masyarakat terutama di musim kemarau yang ekstrem memandangkan negara kita kaya dengan punca dan sumber air semula jadi seperti sungai dan sebagainya dalam usaha meningkatkan bekalan air bersih di seluruh negara.

86. PR-1522-L20216

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan inisiatif yang bakal dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk pembangunan kelestarian alam sekitar selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

87. PR-1522-L20520

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada kajian telah dibuat oleh pihak Kementerian untuk meminda beberapa bahagian dan klausa dalam SOSMA dan apakah statusnya sekarang.

88. PR-1522-L19875

**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) apakah punca utama bekalan elektrik yang kerap terputus di seluruh negeri Sabah dalam masa sebulan yang lalu; dan
- (b) apakah langkah-langkah jangka masa yang panjang yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi gangguan bekalan elektrik yang kerap di Sabah.

89. PR-1522-L20246

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah proaktif Kerajaan sebagai anggota UNHRC bagi sesi 2022 - 2024 dalam memperkuuh dasar solidariti Palestin, termasuk melalui saluran PBB dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) bagi menghentikan kekejaman berterusan regim Israel serta membantu rakyat Palestin yang telah dizalimi secara berterusan.

90. PR-1522-L20078

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil perundingan dan jumlah pampasan dengan pihak China mengenai pembatalan projek Multi-Product Pipeline dan Trans Sabah Gas Pipeline.

91. PR-1522-L20830

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya tidak dinaik taraf sebagai Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) mengambil kira jumlah penduduk yang jauh lebih tinggi pada hari ini berbanding ketika awal pembukaan Putrajaya.

92. PR-1522-L19859

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi meningkatkan pembangunan infrastruktur dan promosi pelancongan di kawasan Kota Marudu seperti kawasan eko-perlancongan Serinsim, Togodon dan Teringai yang mempunyai nilai tambah untuk mamangkinkan ekonomi masyarakat di kawasan Kota Marudu.

93. PR-1522-L20431

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) status terkini perancangan Kerajaan dalam meningkatkan taraf dan kualiti Skim Perumahan Anggota Polis; dan
- (b) berapa jumlah permohonan pertukaran dan penempatan pegawai serta anggota polis sehingga kini, dan bilangan permohonan yang diluluskan serta asas pertimbangan yang diambil kira oleh PDRM.

94. PR-1522-L20481

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian akan masih mengekalkan "Malaysia, Truly Asia" sebagai slogan untuk kempen galakkan pelancongan ke Malaysia negara ini atau ianya akan dibuat penjenamaan semula mengikut trend semasa terkini.

95. PR-1522-L20861

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tindakan Kementerian dalam merancakkan peluang perniagaan kepada para pengusaha chalet dan homestay yang berskala kecil terutama di kawasan luar bandar.

96. PR-1522-L20898

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah status kemajuan perancangan Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jarak Jauh dan berapa industri yang sudah dilibatsamakan dalam program ini.

97. PR-1522-L19628

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah nilai dan eksport minyak kelapa sawit mentah dan minyak sawit diproses dari tahun 2017 hingga 2022.

98. PR-1522-L19893

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak kementerian mempunyai perancangan menaik taraf Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Marudu yang sehingga hari ini masih masih menggunakan bangunan yang lama dan kuarters yang uzur untuk kegunaan anggota polis di daerah Kota Marudu.

99. PR-1522-L20776

**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) jumlah statistik jenayah di Kepala Batas bagi tempoh 5 tahun dan langkah-langkah untuk mengurangkan kadar jenayah di Kepala Batas; dan
- (b) berapakah kereta peronda yang boleh beroperasi di Kepala Batas dan tempoh jangka hayat boleh digunakan.

100. PR-1522-L19809

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kajian Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) termasuk isu-isu berbangkit dan mekanisme pelaksanaan yang sedang dipertimbangkan; dan apakah garis masa terkini pelaksanaan SKDS sebagai sebagai salah satu proses peralihan kepada sistem subsidi bersasar.

101. PR-1522-L20771

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status terkini projek tebatan banjir yang diteruskan melalui kaedah 'fast-track' tender terhad, mengambil kira kepentingan projek ini untuk dilaksanakan segera bagi mengurangkan impak bencana atau menanggung kerugian yang lebih besar.

102. PR-1522-L19550

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penambahan bilangan anggota polis di Balai Polis Pekan Nanas untuk mengimbangi bilangan penduduk yang telah bertambah berkali-kali ganda sejak tahun 1980an namun anggota bertugas masih tidak berubah disekitar 29 orang yang menyebabkan tahap keberkesanan perkhidmatan PDRM sentiasa mendapat aduan rakyat.

103. PR-1522-L20552

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan program Wakaf Madani dengan aset bernilai lebih RM1 bilion dengan komitmen kepada sektor swasta sebagaimana yang dibentangkan dalam Bajet 2023, adakah Kerajaan sudah mengumumkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi membangunkan wakaf secara keseluruhan.

104. PR-1522-L19516

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sekiranya YAB Perdana Menteri akan membantu Kerajaan Pulau Pinang untuk memperoleh air mentah dari Perak dan Kedah untuk menampung bekalan air mentah untuk rakyat Pulau Pinang di mana permintaan untuk air mentah di Pulau Pinang dijangka meningkat dalam beberapa tahun lagi.

105. PR-1522-L20623

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kementerian dalam memperluas bidang laporan Laksana mengenai pakej-pakej rangsangan ekonomi untuk memasukkan data kualitatif, seperti cabaran dan perkara yang dipelajari dalam melaksanakan program, serta kesan pelaksanaan tersebut selain daripada bilangan penerima.

106. PR-1522-L20389

**Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan beberapa kesan perubahan iklim terhadap ekonomi Malaysia dan sejauh mana Kerajaan berjaya menanganinya.

107. PR-1522-L19958

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bagaimanakah Kementerian sedang berusaha menyokong komuniti-komuniti terdedah di Malaysia yang terjejas secara tidak seimbang oleh kesan perubahan iklim, seperti Orang Asli dan komuniti pantai dan pulau.

108. PR-1522-L20798

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap kehilangan 1.5 juta pelancong yang tidak dapat dikesan dan apakah jaminan Kerajaan terhadap jangkaan kemasukan 450 ribu kehadiran pelancong dari negara China ke Malaysia.

109. PR-1522-L20025

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan impak cuaca panas melampau yang dijangka berpanjangan sehingga Ogos 2023 terhadap sektor pertanian dan penternakan serta langkah persediaan yang dilaksanakan untuk menghadapinya supaya tidak menjelaskan bekalan makanan.

110. PR-1522-L20699

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tindakan pihak Kementerian bagi mengawal hakisan tebing pantai khasnya di kawasan tumpuan pelancongan seperti di Pantai Sepat dan Pantai Kempadang di dalam kawasan Parlimen Kuantan.

111. PR-1522-L19826

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah kerajaan berniat untuk menyemak semula dasar subsidi sedia ada yang jelas membebankan kewangan Kerajaan berbilion Ringgit setiap tahun dan adakah langkah penghijrahan kepada dasar subsidi bersasar akan lebih relevan buat masa akan datang.

112. PR-1522-L19764

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan situasi terkini perbincangan atau penubuhan agensi tunggal kawal selia sempadan dan jadual pelaksanaan penubuhan agensi tersebut untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sempadan negara kita.

113. PR-1522-L21020

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah pihak Kementerian dalam memastikan sektor pertanian di dalam negara dapat beradaptasi dan mengaplikasikan teknologi di dalam aktiviti pertanian dalam usaha mengoptimumkan pengeluaran hasil yang lebih efektif.

114. PR-1522-L19621

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyatakan jumlah subsidi dibayar oleh Kerajaan untuk petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) pada tahun 2018 hingga 2022.

115. PR-1522-L20817

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang membina sebuah pusat pemprosesan durian di Kuala Krai yang merupakan salah satu kawasan pengeluar utama durian di Kelantan yang mempunyai buah yang berkualiti dan berpotensi tinggi iaitu mencecah hampir 15-20% untuk 100kg buah durian.

116. PR-1522-L19827

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jelaskan lebih terperinci tentang fenomena gelombang haba yang sedang berlaku dalam negara dan apakah langkah yang diambil Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

117. PR-1522-L21004

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kekangan daripada pihak Kementerian untuk menerima cadangan bagi membuka Pintu Masuk Kedua Taman Negara di Ulu Tembeling yang sudah mendapat sokongan dari pihak MOTAC.

118. PR-1522-L20625

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tindakan mitigasi dan penyesuaian yang diambil oleh Kementerian sebagai tindak balas terhadap tragedi tanah runtuh Batang Kali pada Disember 2022.

119. PR-1522-L20719

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah prosedur yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan bersama institusi kewangan berkaitan proses lelongan rumah kediaman bagi pembeli yang bermasalah untuk meneruskan bayaran bulanan.

120. PR-1522-L19852

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah banduan yang terlibat dalam sistem parol pada tahun 2022. Adakah banduan yang terlibat dengan parol ini boleh juga mendapat pelepasan awal dari penjara.

121. PR-1522-L20449

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah dana antarabangsa seperti Global Environmental Facility (GEF) dan Green Climate Fund (GCF) yang telah diterima oleh Malaysia:-

- (a) adakah pembiayaan tersebut membantu negara dalam pelaksanaan tindakan-tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim; dan
- (b) berapa jumlah dana yang diterima oleh Kerajaan dan bentuk pembiayaannya serta langkah yang diambil oleh Kementerian jika pembiayaan tersebut tidak mencukupi.

122. PR-1522-L19748

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sama ada Kementerian akan memulangkan baki daripada geran RM1.2 bilion hasil Penstrukturran Semula Air di Pulau Pinang antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan pada 2011 bagi projek pembesaran Empangan Mengkuang. Jika tidak, wajarkah ia digunakan untuk projek takungan air pinggiran (TAP) hulu muka sauk Lahar Tiang, Sungai Muda, menaik taraf rumah pam dan pemasangan paip air mentah dari Sungai Muda ke Empangan Mengkuang sebagai saluran tambahan. Jika tidak, perincikan sebabnya.

123. PR-1522-L20824

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan peruntukan oleh Kerajaan bagi meningkatkan fasiliti tempat tumpuan pelancong di kawasan Parlimen Padang Rengas Khasnya tempat tumpuan riadah di Sungai Ulu Kongsor, Padang Rengas memandangkan beberapa kemudahan yang tidak disediakan seperti tandas dan lain-lain.

124. PR-1522-L20577

**Tuan Gobind Singh Deo [ Damansara ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menghadapi cabaran-cabaran perubahan iklim. Nyatakan masalah-masalah utama yang berkaitan dan apakah langkah-langkah yang dicadangkan untuk mengatasinya.

125. PR-1522-L20920

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil pihak Kerajaan dalam memastikan graduan TVET mendapat pekerjaan dengan gaji melebihi RM2,000 dan apakah usaha-usaha yang dibuat dalam meningkatkan penyertaan graduan wanita TVET dalam pasaran buruh Malaysia.

126. PR-1522-L19769

**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status permohonan menaik taraf sistem bekalan air termasuk pembinaan 5 tangki air utama di Sandakan yang perlu dipercepatkan dalam menyelesaikan masalah gangguan bekalan air di Sandakan.

127. PR-1522-L19936

**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) perancangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi program MyStep; dan
- (b) perancangan khusus bagi pelatih yang cemerlang untuk diserapkan atau terus diterima bekerja ke bahagian masing-masing mengikut kepakaran bidang selepas menjalani latihan industri .

128. PR-1522-L20036

**Puan Rodyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci:-

- (a) berapa anggaran jumlah peminjam dan purata pembiayaan diluluskan yang dipohon oleh orang ramai khususnya golongan belia dalam membuat pinjaman peribadi secara terus dengan institusi bukan kewangan seperti di Shopee (Sloan), TNGeWallet (GOPinjam), BigPay dan sebagainya semenjak kemudahan ini diperkenalkan; dan
- (b) adakah pihak Kementerian membuat pemantauan agar pinjaman peribadi mudah lulus ini tidak menjerat peminjam dengan bebanan hutang yang tinggi.

129. PR-1522-L19767

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan penyelesaian jangka masa pendek, sederhana dan panjang untuk mengatasi masalah kadar NRW yang melebihi 40% di wilayah Sabah dan Sarawak, negeri Perlis, Kedah, Kelantan, dan Pahang.

130. PR-1522-L19823

**Tuan Tan Kar Hing [ Gopeng ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) meminda peraturan 76, Peraturan-Peraturan Bahan Letupan 1923 yang kini meletakkan didenda maksimum RM300 sahaja; dan
- (b) menggubal undang-undang baru untuk menghadkan musim dan waktu dimana orang awam boleh menggunakan bunga api atau mercun.

131. PR-1522-L19618

**Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengekang fenomena jerebu yang berlaku saban tahun daripada terus berlaku, termasuklah melalui langkah-langkah legislatif dan kerjasama rentas sempadan.

132. PR-1522-L20092

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mengadakan projek pertanian di kawasan Parlimen P.207 Igan untuk meningkatkan taraf hidup petani dan nelayan. Nyatakan apakah usaha yang akan dilaksanakan.

133. PR-1522-L20046

**Puan Rodiyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan secara terperinci berapa jumlah pejabat Tourism Malaysia yang beroperasi di luar negara dan jumlah perjawatan dilantik. Bagaimana Kementerian memastikan jumlah hasil daripada galakkan promosi pelancongan di luar negara adalah setimpal dengan jumlah pelaburan pembiayaan yang telah dikeluarkan untuk operasi pejabat di luar negara.

134. PR-1522-L19534

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan rancangan dan tindakan yang akan diambil di bawah Akta Pencemaran Jerebu Merentasi Sempadan 2020 (Transboundary Haze Pollution Act 2020) untuk mengawal pencemaran jerebu di Malaysia.

135. PR-1522-L19499

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan daripada Kementerian dalam meningkatkan penghasilan buah-buahan tempatan, mempelbagaikan jenis buah-buahan dan usaha untuk menembusi pasaran antarabangsa. Langkah ini penting kerana ia dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan hasil pendapatan negara. Nyatakan jenis buah-buahan yang diberikan perhatian khas untuk tujuan eksport ke pasaran antarabangsa.

136. PR-1522-L19742

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendekatan yang diambil dalam memastikan sumber tenaga kerja dalam bidang-bidang sains serta teknologi mencukupi demi pembangunan negara. Perincikan jumlah penjawatan yang ditawarkan dan telah diisi berdasarkan pecahan warganegara serta warganegara asing bagi setiap negeri sejak tahun 2018 sehingga kini.

137. PR-1522-L20993

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi mengenai cadangan menaikkan kadar caruman KWSP bagi majikan kepada 20 peratus dan sejauh mana ia tidak menjelaskan perusahaan makro, kecil dan sederhana (PMKS).

138. PR-1522-L19975

**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan trend memberi diskauan kepada pesalah-pesalah trafik oleh agensi penguatkuasaan terutamanya menjelang hari-hari perayaan yang dikhawatirkan akan mendorong pesalah-pesalah trafik tidak gentar melakukan kesalahan trafik di samping akan menangguhkan pembayaran saman untuk mendapat diskauan sekaligus wujudnya ketidakadilan terhadap pesalah-pesalah trafik yang bertanggungjawab melunaskan saman dengan kadar segera tanpa menikmati sebarang diskauan.

139. PR-1522-L20398

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah pencapaian terkini Majlis TVET Negara yang ditubuhkan oleh Kementerian pada Februari 2021 dalam memperkasakan agenda pendidikan TVET dalam negara.

140. PR-1522-L21036

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menjalankan pindaan terhadap SOSMA terutamanya terhadap peruntukan-peruntukan yang bermasalah termasuk seksyen 4(5) dan 13 yang berkaitan prosedur sebelum perbicaraan, Bahagian VI dan VII yang berkaitan soal perbicaraan yang adil.

141. PR-1522-L20796

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pelaburan semasa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan pulangan perolehan bagi kepentingan pencarum dan berapakah eluan bulanan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KWSP.

142. PR-1522-L21042

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan susulan kenaikan kadar OPR oleh Bank Negara Malaysia dari 2.75% ke 3.0% pada 3 Mei 2023, bolehkah Kerajaan menetapkan supaya pembayaran balik segala pinjaman yang dibuat sebelum tarikh itu tidak terkesan dan ansuran bayaran balik dikenakan seperti sebelum 3 Mei 2023.

143. PR-1522-L19746

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada laporan Jawatankuasa Khas Pengurusan Pekerja Asing yang dikemukakan pada 2019 akan didedahkan kepada umum memandangkan pengambilan pekerja asing dan jumlah pekerja tanpa izin atau dokumen di negara ini semuanya disebabkan rasuah besar-besaran di Jabatan Imigresen dan agensi swasta.

144. PR-1522-L21001

**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan dalam masa yang terdekat untuk menggubal Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 khususnya, seksyen yang menyatakan penguatkuasaan kegiatan judi hanya membabitkan kegiatan di premis dan bukan secara dalam talian. Ini perlu dipandang serius kerana memandangkan aktiviti perjudian dijalankan dalam talian, adalah sukar bagi pihak berkuasa/polis mengemukakan bukti kukuh dan mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab atas kesalahan itu .

145. PR-1522-L19493

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pembinaan kereta api maut Burma-Siam yang umumnya dirujuk sebagai Burma-Siam Death Railway melibatkan buruh paksa dari Tanah Melayu sebelum merdeka. Soalan saya, adakah kerajaan Jepun pernah membayar sebarang pampasan kepada mangsa atau waris yang dijadikan sebagai buruh paksa.

146. PR-1522-L20207

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tahap keyakinan Kerajaan terhadap keupayaan pengurusan sungai di Kuala Lumpur bagi menangani permasalahan banjir dan nyatakan peruntukan penyelenggaraan sungai di Wilayah Persekutuan bagi tempoh 2017 hingga 2022 serta langkah-langkah pencegahan jangka pendek dan jangka panjang.

147. PR-1522-L20661

**Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [ Pagoh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah strategi Kerajaan untuk menangani trend penurunan nilai mata wang tempatan yang memberi kesan kepada kadar inflasi dan secara tidak langsung membebankan penghutang; dan
- (b) langkah Kerajaan untuk membantu perniagaan yang terjejas aliran tunai dan berkemungkinan gulung tikar ekoran kenaikan Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak empat kali sepanjang tahun lalu.

148. PR-1522-L20931

**Dr. Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diluluskan mengikut projek-projek seperti telah diumumkan peruntukan sebanyak RM1.6 bilion untuk pembangunan di negeri Kedah bagi tahun 2023 dan adakah jumlah tersebut dimasuk kira peruntukan perkapita 2023 negeri Kedah.

149. PR-1522-L21043

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membuka Akaun Amanah Dana Pembangunan Sabah dan Akaun Amanah Dana Pembangunan Sarawak yang diurus tadbir oleh Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Sabah dan Sarawak masing-masing supaya segala peruntukan pembangunan untuk Sabah Sarawak setiap tahun disalurkan demi pelaksanaan projek-projek di Sabah Sarawak tanpa peruntukan-peruntukan tersebut ditarik balik pada hujung tahun seperti yang berlaku sekian lama ini dan menjelaskan pembangunan Sabah Sarawak yang amat diperlukan.

150. PR-1522-L20451

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tambahan keuntungan yang akan diraih oleh sektor perbankan ekoran kenaikan kadar faedah Overnight Policy Rate (OPR) luar jangkaan oleh Bank Negara Malaysia dan adakah nilai mata wang ringgit menjadi lebih kukuh selepas kenaikan OPR pada 3 Mei 2023.

151. PR-1522-L19662

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pindaan Akta Penjara 1995 (Akta 537) akan dibuat untuk menangani masalah-masalah seperti kesesakan, kekurangan makanan dan kemudahan perubatan bagi banduan. Berapa bilangan banduan terkini mengikut jantina dan warganegara, dan berapa budak bersama ibu berada di penjara.

152. PR-1522-L19840

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah cukai yang diterima oleh Kerajaan berkaitan sektor e-hailing. Nyatakan pecahan syarikat yang dikenakan cukai dan jumlah cukai yang telah dikenakan bagi tahun 2021-2022.

153. PR-1522-L20469

**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) tentang kedudukan dan status terkini Tanah Rizab Melayu di Melaka; dan
- (b) berapa jumlah Tanah Rizab Melayu yang telah bertukar milik atau berubah status dan berapa hektar yang telah diganti semula.

154. PR-1522-L20163

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah status tahap penggunaan biodiesel di Malaysia dan adakah ia mampu mengurangkan penggunaan sumber tenaga fosil.

155. PR-1522-L19899

**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini dan hala tuju Tabung Khas Hakmilik Strata, ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan isu hak milik strata bagi "bangunan khas" kediaman berkategori kos rendah dan sederhana yang dihadapi oleh golongan B40 dan M40 rendah demi memudahkan urusan hartanah mereka kelak.

156. PR-1522-L19552

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji keperluan mewujudkan laluan ketiga untuk menghubungkan Johor dan Singapura dalam usaha mengurangkan kesesakan di Tambak Johor dan Laluan Kedua Malaysia Singapura (Linkedua).

157. PR-1522-L20096

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian cadangan penubuhan Asian Monetary Fund dan sama ada Malaysia menyokong usaha dedollarisasi dalam perdagangan antarabangsa serta rizab luar negeri.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

**"Bahawa** Dewan ini, membuat ketetapan di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi tahun 2020 (Kertas Status ST.140 Tahun 2023) yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 25 Mei 2023, untuk membahaskan isu-isu dan syor-syor yang terkandung dalam Laporan Tahunan ini;

**memperakui** bahawa aspirasi dan komitmen Kerajaan yang telus dan berintegriti dalam usaha melindungi, memenuhi tanggungjawab dan menghormati isu hak asasi manusia telah mengangkat dan menjadikan SUHAKAM sebagai satu badan bebas yang dikenali di peringkat nasional dan antarabangsa sehingga diberi pengiktirafan status A di bawah Prinsip-prinsip Paris (*Paris Principles*) selain mampu mewujudkan kerjasama yang baik antara agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) demi melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia;

**menyedari** bahawa di dalam era dunia digital ini dengan kemudahan memperolehi maklumat dari internet dan media sosial menyebabkan pentingnya isu hak asasi manusia untuk di beri penjelasan dan pencerahan oleh pihak SUHAKAM dan Kerajaan bagi memastikan agenda Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat difahami dengan baik dan ditangani dengan sewajarnya selain keperluan Kerajaan untuk membantu/bekerjasama rapat dengan SUHAKAM dalam memperkuatkannya lagi usaha mempertingkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan menjaga serta menangani pelbagai isu sosial, ekonomi, kebudayaan serta politik dalam kalangan rakyat;

**mengambil maklum** akan cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan selain pertimbangan bagi melaksanakan dengan berkesan syor-syor utama yang terkandung dalam laporan tersebut serta memahami keperluan Kerajaan menandatangi dan menyertai/meratifikasi triti dan konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia bagi memperkasakan lagi hala tuju dalam memupuk dan mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia;

**menyokong** kepentingan perbahasan Laporan Tahunan ini bagi mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam memelihara dan melindungi hak asasi manusia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat; dan

**Bahawa** dalam SUHAKAM melaksanakan mandatnya mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama bertanggungjawab dan bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar pelaksanaan syor, pandangan dan cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut dapat disahkan dan diluluskan."

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 12 Jun 2023 ]**

2. **Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :

**Bahawa** Dewan ini memahami akan perlunya satu dasar reformasi sistem kesihatan Negara melalui Kertas Putih Kesihatan, bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan Rakyat supaya ia relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

**Bahawa** Dewan ini mendukung aspirasi Kerajaan untuk membina sebuah Negara yang sihat, di mana ekosistem kondusif diwujudkan supaya sistem kesihatan berdaya tahan serta mampan untuk jangka masa panjang melalui Kertas Putih Kesihatan.

**Bahawa** Dewan ini menyokong bagi memastikan usaha reformasi ini kalis masa hadapan dan tidak terkesan dengan situasi politik mahupun perubahan pentadbiran Negara.

**Bahawa** Dewan ini meluluskan dan merestui dasar dan usaha yang komprehensif dan menyeluruh seperti yang diperkenalkan dalam Kertas Putih Kesihatan, dengan komitmen semua pihak berkepentingan sejajar dengan pendekatan Keseluruhan Negara (*Whole of Nation*) untuk sama-sama memikul tanggungjawab kesihatan sebagai satu usaha nasional.

**Bahawa** Dewan ini meluluskan Kertas Putih Kesihatan supaya menjadi hala tuju reformasi sistem kesihatan Negara untuk tempoh 15 tahun akan datang seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah 29 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Kesihatan yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin, 12 Jun 2023."

3. ( D.R. 23/2023 ) Rang Undang-Undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[ **Menteri Kewangan** ]

4. ( D.R 24/2023 ) Rang Undang-Undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2023. "

[ **Menteri Kewangan** ]

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa mengikut peruntukan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM27,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sehingga akhir Mei tahun 2023 ke Kumpulan Wang Pembangunan."

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 6(2), subseksyen 90A(2), subseksyen 91I(2) dan subseksyen 91U(2), subseksyen 91DA(2), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.125, ST.126, ST.127, ST.129, ST.130, ST.134 bagi tahun 2023 disahkan."

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 7(2), Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 supaya Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.38 bagi tahun 2023 disahkan."

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.128 bagi tahun 2023 disahkan."

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.120, ST.121, ST.122, ST.123, ST.124, ST.133, ST.135, ST.136 bagi tahun 2023 disahkan."

10. PR-1522-U(27)254

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1522-U(27)255

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

## 12. PR-1522-U(27)256

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

**[ Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan ]**

## 13. PR-1522-U(27)257

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

**[ Menteri Ekonomi ]**

## 14. PR-1522-U(27)258

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

15. PR-1522-U(27)259

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1522-U(27)260

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang pro-LGBT dan pro-liberalisme. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan pro-LGBT dan pro-liberalisme di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati."

**[ Menteri Komunikasi dan Digital ]**

17. PR-1522-U(27)261

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

18. PR-1522-U(27)262

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

19. PR-1522-U(27)263

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di dalam kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

20. PR-1522-U(27)264

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi bajet 2023. Dalam ucapan bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepatkan saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

21. PR-1522-U(27)265

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

22. PR-1522-U(27)266

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

23. PR-1522-U(27)267

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

24. PR-1522-U(27)246

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan. "

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

25. PR-1522-U(27)247

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah- buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan. "

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

26. PR-1522-U(27)248

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengutamakan penternak dan pengeluar tempatan. Sementara Kerajaan tidak mengawal harga telur import dari luar negara ke Malaysia, maka adalah adil untuk Kerajaan menghapuskan kawalan harga terhadap telur ayam kerana "unfair advantage" kepada para pengimport telur ayam dalam saingan sedangkan penternak-perternak tempatan pula mengalami kerugian akibat kos pengeluaran yang tinggi.

Keputusan Kerajaan untuk mengimport telur ayam daripada beberapa sumber luar seperti India dan Thailand sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi bukanlah penyelesaian yang tuntas dan ia sebenarnya adalah suatu tindakan yang mendiskriminasi penternak dan pengeluar tempatan memandangkan Malaysia pernah diangkat sebagai pengeksport telur kelima terbesar di dunia ketika era sebelum pandemik COVID-19.

Sebagai sebuah Kerajaan yang berpaksi kukuh di atas mandat rakyat, adalah disarankan agar Kerajaan tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan bersifat dangkal memandangkan penternak dan pengeluar tempatan yang menanggung implikasinya secara total serta satu mekanisme yang lebih ampuh perlu dilandaskan bagi membela nasib penternak dan pengeluar tempatan."

#### **[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

27. PR-1522-U(27)249

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengambil tindakan segera terhadap masalah dan kesukaran para penumpang menuntut balik wang yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk tempahan tiket penerbangan akibat pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan semasa pandemik dan pasca COVID-19.

Ramai penumpang menghadapi kesukaran menukar "credit shell" kepada pembayaran tiket penerbangan disebabkan pelbagai sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Gejala ini semakin serius berikutan pembatalan penerbangan yang sangat kerap oleh syarikat-syarikat penerbangan serta tiada pembayaran balik secara tunai kepada penumpang.

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) digesa untuk menyiasat perkara ini serta mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat penerbangan yang mengenakan syarat-syarat ketat dan tidak munasabah dalam soal "redemption of credit shell" demi melindungi kepentingan penumpang."

#### **[ Menteri Pengangkutan ]**

28. PR-1522-U(27)251

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan dasar perolehan di peringkat Kerajaan dapat memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tempatan sekali gus merancakkan ekonomi di peringkat domestik dengan peningkatan peluang pekerjaan, penambahan pendapatan dan peningkatan produktiviti.

Dalam membantu syarikat tempatan kekal berdaya saing dan memastikan survival mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan harus memainkan peranan untuk membantu mereka dan memastikan perolehan kerajaan diisi oleh syarikat-syarikat ini yang berkemampuan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini termasuk sektor pengangkutan, pembuatan, kesihatan, perkilangan, perkilangan, dan semua sektor lain.

Dalam sesebuah projek Kerajaan, selain pemberian projek, ia juga akan melibatkan pembekalan komponen, barang mentah dan input yang berlainan. Kerajaan harus memastikan syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat di setiap lapisan perolehan yang dibuat, bersesuaian dengan kemampuan dan kualiti yang ditawarkan.

Kerajaan juga dalam masa sama perlu merangka modul yang menetapkan standard supaya syarikat-syarikat tempatan di setiap sektor dapat memastikan produk mereka menepati piawaian yang ditetapkan."

### [ Menteri Kewangan ]

29. PR-1522-U(27)252

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan perancangan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap polisi ekonomi gig yang lebih mampan. Dalam ketidaktentuan ekonomi yang berlaku beberapa tahun ini, sektor ini telah menjadi pilihan graduan, OKU, ibu tunggal, pesara dan penganggur dalam kalangan B40 untuk menyara keluarga mereka.

Antara masalah yang mereka hadapi adalah ketiadaan polisi khusus untuk menjaga kebajikan mereka, mereka tidak mendapat faedah gaji minimum, pendapatan yang tidak konsisten bergantung kepada permintaan aplikasi dan mereka tidak diiktiraf di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 67).

Dengan perkembangan pesat ekonomi digital kini, Kerajaan seharusnya merancang dan mengiktiraf pekerja dalam sektor ini yang menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara, dalam masa sama menjaga kebajikan mereka dengan mengimbangi perkembangan daya saing mereka dalam pelbagai bidang."

### [ Menteri Ekonomi ]

30. PR-1522-U(27)253

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan sebuah model, kaedah dan pendekatan patuh syariah yang memudahkan rakyat terkesan seperti kemiskinan situasi, bencana alam, kejutan ekonomi merudum dan sebagainya mendapatkan bantuan kewangan melalui pinjaman tanpa/rendah faedah bagi memastikan mereka dapat memastikan kelangsungan kehidupan keluarga terjamin dalam situasi pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan.

Keadaan semasa mereka yang menghadapi kesulitan hidup memilih jalan pintas untuk keluar dari kemelut tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang akhirnya akan menimbulkan keretakan struktur sosial negara yang pasti menjelaskan pembentukan generasi mendatang serta keputusasaan institusi keluarga.

Kerajaan perlu mengatasi perkara ini segera kerana ia akan memberi kesan langsung kepada bakat negara dan penentuan peningkatan produktiviti."

**[ Menteri Kewangan ]**

31. PR-1522-U(27)250

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengesahkan kerajaan mengkaji persempadanan semula kawasan pilihan raya di Sabah dan Sarawak melalui tambahan jumlah kerusi Parlimen di wilayah Sabah dan Sarawak untuk mencukupkan jumlah 35% kerusi dari wilayah Sabah dan Sarawak atau sekurang-kurangnya 7 kerusi bagi wilayah Sabah. Melalui usul ini, saya mengusul agar Parlimen Kudat dengan kawasan 2300 kilometer persegi di mana terdapat 2 daerah penuh dan 1 daerah kecil dengan kedudukan geografi yang terpisah dapat dibahagi kepada dua kawasan Parlimen."

**[ Perdana Menteri ]**

32. PR-1522-U(27)268

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** akan mencadangkan :

"Bahwasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya konsep MADANI yang berteraskan kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menjadi gagasan pentadbiran negara."

**[ Perdana Menteri ]**

33. PR-1522-U(27)269

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula struktur tempoh latihan industri dalam kurikulum pengajian tinggi, sebagai satu langkah proaktif untuk menangani isu pengangguran graduan universiti yang semakin membimbangkan. Isu ini seringkali timbul kerana ketidaksesuaian antara kemahiran atau pengetahuan yang dipelajari di universiti dengan keperluan dunia pekerjaan.

Salah satu cara yang dicadangkan adalah mengubah tempoh latihan industri sebahagian kursus yang sedia ada selama enam bulan kepada tiga tempoh dua bulan yang berasingan dan ia akan dijalankan pada tahun kedua, ketiga dan keempat pengajian. Langkah ini akan membolehkan pelajar memperoleh kemahiran dan pengetahuan secara berperingkat, memastikan peralihan yang lebih lancar ke dunia pekerjaan, dan juga memudahkan pihak universiti untuk menerima maklum balas daripada majikan mengenai keberkesanan silibus kursus pengajian yang diterapkan. Dengan adanya pembaharuan struktur latihan industri ini, graduan yang lebih berpotensi dan berkemahiran akan dihasilkan, serta lebih bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan.

Kita perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan graduan kita lebih bersedia dan berdaya saing untuk memasuki pasaran pekerjaan, dan dengan itu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan."

**[ Menteri Pendidikan Tinggi ]**

34. PR-1522-U(27)270

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan penubuhan hotline 24 jam, yang dikelola dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Bomba, SWCORP, khususnya untuk mengatasi isu pembakaran terbuka di kawasan perumahan. Penguatkuasaan yang efektif amat penting untuk mengelakan palaku terus melakukan kesalahan pembakaran terbuka yang akan merosakkan alam sekitar dan menyebabkan kesihatan orang awam terjejas. Oleh itu, prosedur untuk melaporkan dan mengambil tindakan perlu diper mudahkan. Pengadu hanya perlu menghantar bukti seperti rakaman gambar atau video, masa dan tarikh kejadian, serta maklumat lain seperti no plat kenderaan atau alamat tempat tinggal (jika ada) melaui hotline tersebut. Dengan bukti tersebut, saman boleh dikeluarkan dengan serta -merta kepada pesalah.

Proses ini seharusnya dijalankan dengan cara yang serupa dengan proses saman trafik, dengan melibatkan bukti visual daripada kejadian tersebut. Sebarang bantahan terhadap saman boleh dibawa kepada SWCORP dan kes juga boleh dibicarakan dalam mahkamah.

Tindakan yang tegas dan berkesan perlu diambil terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka demi kesejahteraan alam sekitar kita."

### [ Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan ]

35. PR-1522-U(27)271

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengadakan perbincangan dengan pasaraya besar dan kedai serbaneka berjenama tempatan dalam usaha mengurangkan pembaziran makanan dan membantu golongan berpendapatan rendah. Usul ini merujuk kepada pengurusan makanan yang hampir mencapai tarikh luput.

Cadangan ini melibatkan makanan yang masih selamat dimakan seperti makanan dalam tin dan makanan berbungkus yang berada dalam keadaan baik, sekurang-kurangnya dua bulan sebelum tarikh luput, serta makanan hasil segar yang belum menunjukkan tandatanda pereputan. Makanan-makanan tersebut boleh didermakan kepada bank makanan yang sedia ada di kawasan tempatan, untuk kemudian diedarkan kepada golongan B40.

Langkah ini bukan sahaja membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan akses kepada makanan, tetapi juga secara tidak langsung mengurangkan kadar sisa makanan yang berlaku dalam industri penjualan runcit makanan di negara kita. Ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan dalam mengekalkan kelestarian alam dan mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar. Kerajaan, pasaraya besar dan kedai serbaneka berjenama tempatan, serta komuniti dapat bekerjasama dalam usaha ini untuk mengurangkan pembaziran dan membantu rakyat yang memerlukan. Dengan cara ini, kita dapat membantu memastikan bahawa semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi dan berkualiti."

### [ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]

36. PR-1522-U(27)272

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkatkan pemantauan dan efisen untuk memperbaiki jalan raya yang berlubang dan menaik taraf jalan raya di seluruh negara, khususnya dalam konteks keselamatan penunggang motosikal dan basikal.

Jalan raya berlubang adalah suatu isu yang serius, dan telah menjadi punca kepada peningkatan risiko kemalangan, terutamanya kepada penunggang motosikal dan basikal, dan lebih-lebih lagi pada waktu malam. Banyak kes kematian dan cedera parah telah dilaporkan akibat daripada jalan raya yang berlubang ini, seringkali melibatkan golongan warga tua yang tidak dapat mengelak dalam masa yang singkat.

Kerajaan harus mengambil langkah-langkah proaktif dan memberi keutamaan kepada isu keselamatan jalan raya ini, terutamanya dalam konteks penunggang motosikal dan basikal bagi mengurangkan risiko kemalangan dan melindungi keselamatan pengguna jalan raya."

#### [ Menteri Kerja Raya ]

37. PR-1522-U(27)273

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membuat persiapan untuk mengurangkan impak negetif bekalan makanan yang mungkin berlaku berikut cuaca ekstrem di negara kita.

Peristiwa cuaca ekstrem ini dijangka beterusan sehingga bulan September, dengan kemungkinan mencapai kemuncaknya pada bulan Ogos. Laporan Moody's telah menyatakan hasil tanaman, khususnya sayur-sayuran dan buah-buahan, mungkin akan berkurangan yang mungkin menyebabkan situasi di mana permintaan melebihi penawaran. Ini secara tidak langsung boleh memberi impak yang signifikan kepada kos hidup rakyat.

Kerajaan perlu merancang dan mengurangkan risiko kekurangan makanan, serta dapat bertindak dengan lebih cepat dan berkesan apabila berhadapan dengan kemungkinan situasi tersebut. Langkah ini amat penting untuk memastikan keselamatan makanan rakyat Malaysia tidak terjejas oleh peristiwa cuaca ekstrem."

#### [ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
**(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b>
<b><u>2022</u></b>		<b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 79	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (LWHNPP) Bagi Tahun 2019	13 Jun 2023

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 13.06.2023 (Selasa)	1. YB Puan Young Syefura binti Othman (Bentong)	1. Pengurusan Haiwan Liar dan Terbiar di Kawasan Bandar dan Pekan	1. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan
2. 13.06.2023 (Selasa)	2. YB Puan Young Syefura binti Othman (Bentong)	2. Pembinaan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama Paket 6	2. YB Menteri Kerja Raya
3. 13.06.2023 (Selasa)	3. YB Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor (Temerloh)	3. Naik Taraf Jalan Kemayan-Temerloh	3. YB Menteri Kerja Raya
4. 13.06.2023 (Selasa)	4. YB Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor (Temerloh)	4. Isu Ternakan Ikan Sangkar Sungai Pahang	4. YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**